

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	11/01/2018

Lantik Dr M jadi PM 'drama besar' pembangkang

BH-11/1/2018
Pg. 13

➔ Keputusan dilihat umpama lancar 'Reformasi 2.0' untuk jatuhkan BN

Oleh Farah Suhaidah Othman
bhnews@bh.com.my

Ipoh

Keputusan pakatan pembangkang untuk melantik Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri jika memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) adalah 'drama besar' dalam pakatan itu.

Menteri Besar yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Perak, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, berkata ia juga umpama melancarkan gerakan 'Reformasi 2.0' untuk menjatuhkan Kerajaan Barisan Nasional (BN) menjelang pilihan raya berkenaan.

Katanya, rancangan untuk me-

lancarkan reformasi seperti itu disifatkan permainan yang kononnya mahu membuka mata bahawa parti berkenaan mempunyai alternatif lebih baik untuk rakyat.

"Bagi saya ini adalah satu lagi drama besar yang cuba dibangkitkan dan saya agak hairan dan tertanya-tanya. Kalau dahulu dalam reformasi pertama, seluruh pakatan pembangkang boleh duduk semeja dengan satu matlamat untuk menjatuhkan insan yang dahulunya dikenali Datuk Seri Dr Mahathir.

"Hari ini kita lihat satu gerakan yang besar barangkali seperti melancarkan satu Reformasi 2.0 untuk menaikkan semula Tun M (Dr Mahathir)," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat EXCO di Bangunan Pe-



Zambry mengadakan sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat EXCO di Bangunan Perak Darul Ridzuan di Ipoh, semalam.

rak Darul Ridzuan, di sini, semalam.

Zambry mengulas mengenai pengumuman pakatan pembangkang yang akan melantik Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri manakala Presiden PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai calon Timbalan Perdana Menteri, sekiranya parti gabungan itu memenangi PRU-14.

Lontar segala kebencian

Katanya, dalam gerakan reformasi dilancarkan terdahulu ketika Dr Mahathir Perdana Menteri, parti pembangkang melontarkan segala kebencian dan menggunakan bahasa yang terlalu pedih dan hina terhadap pemimpin itu.

Bagaimanapun, katanya, hari ini atas nama gerakan reformasi,

orang yang menjadi musuh nombor satu kepada mereka dahulu kini diangkat dan digerakkan demi menjatuhkan kerajaan BN.

"Oleh kerana matlamat mahu menjatuhkan kerajaan, ayat kebencian mereka bina dahulu, ditelan balik semuanya," katanya.

DAP untung besar

Mengenai pembahagian kerusi Parlimen dalam pakatan itu, Zambry berkata ia memberi keuntungan kepada DAP kerana sebahagian besar daripada 35 kerusi diperuntukkan di Semenanjung itu adalah kawasan dimenangi DAP.

"Kita boleh lihat pengisytiharan mereka dari sudut pembahagian kerusi dari beberapa segi dan salah satu pendekatan mereka mungkin

mahu 'test market' bagi membolehkan pandangan atau respons rakyat mengenai kedudukan kerusi berkenaan.

"Daripada agihan yang diberikan, yang paling untung adalah DAP. 35 kerusi itu belum campur dengan Sabah dan Sarawak, dan dari segi kebarangkalian untuk memenangi kerusi itu kebanyakan adalah kerusi yang DAP sedang atau memang menang," katanya.

Zambry berkata, pembahagian kerusi pembangkang di negeri juga bukan luar biasa dengan kawasan DAP tidak boleh disentuh.

"Kalau disentuh (untuk ditandingi parti pembangkang lain) mungkin kawasan PAS yang dahulunya berada dalam gabungan parti pembangkang itu dan mungkin kawasan UMNO," katanya.